



Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)

LAPORAN

PROGRAM CERAPAN GERHANA MATAHARI SEPARA PERINGKAT NEGERI PERAK (ZON PERAK SELATAN)

Tarikh : 26 Disember 2019
Tempat : Masjid At-Taqwa, Proton City, Tanjung Malim, Perak
Penglibatan : Pegawai-pegawai di Jabatan Kerajaan Negeri Perak (Daerah Muallim), Kakitangan INSTUN, Pekerja di Sektor Swasta dan orang ramai (terbuka)

Ringkasan Program

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah berjaya menjayakan Program Cerapan Gerhana Matahari Separa Peringkat Negeri Perak (Zon Perak Selatan) dengan Masjid At-Taqwa, Proton City, Tanjong Malim, Perak sebagai Penganjur Bersama Program ini. Kehadiran pada Program ini adalah seramai 70 orang yang terdiri daripada anak-anak sekolah, Pekerja di Sekitar Tg. Malim dan orang ramai daripada semua peringkat umur. Berikut adalah ringkasan pelaporan bagi aktiviti yang dianjurkan pada Program ini:-

- **Pertandingan Mewarna dan Melukis**

Pertandingan ini dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu mewarna dan melukis. Bagi kategori mewarna penyertaan kanak-kanak adalah pada umur 4-6 tahun dan 7-9 tahun manakala kategori melukis adalah dari umur 9-12 tahun. Pemenang dikira berdasarkan kekemasan dan kreativiti masing-masing. Hadiah disampaikan oleh Pengarah INSTUN, Pn. Norehan binti Omar.

- **Cerapan Gerhana Matahari**

Dua (2) jenis teleskop, dua (2) set alat *total station* dan seunit kamera untuk merakam video milik INSTUN telah digunakan bagi melihat fenomena ini. Orang ramai diberi peluang melihat Gerhana Matahari menggunakan peralatan ini. *Solar filter* juga turut digunakan untuk melihat Gerhana Matahari. Kemuncak Gerhana adalah pada jam 1.13 petang.

- **Taklimat Gerhana Matahari**

Disampaikan oleh dua (2) orang tenaga pengajar dalaman INSTUN iaitu Sr Shafiq Azwan bin Zalil dan Sr Affandi bin Kastor. Pada sesi ini, kedua-dua penceramah telah menyampaikan ceramah berkaitan fenomena Gerhana Matahari dari segi bagaimana fenomena ini terjadi, fakta-fakta mengenai Gerhana Matahari dan sebagainya yang berkaitan.

- **Solat Sunat dan Khutbah Gerhana**

Solat Sunat Gerhana telah ditunaikan secara berjemaah selepas Solat Zuhur yang telah diimamkan oleh Imam Masjid At-Taqwa. Selepas itu, khutbah khas Gerhana Matahari telah dibacakan jua oleh Imam Masjid At-Taqwa.

- **Kuiz Gerhana Matahari**

Kuiz Gerhana Matahari telah diadakan dan penyertaan terbuka kepada semua peringkat usia. Soalan pada Kuiz adalah berkaitan ilmu falak dan juga INSTUN. Pemenang telah dipilih berdasarkan jawapan yang tepat dan hadiah diberikan kepada pemenang tempat pertama hingga ketiga.

- **Pameran Gerhana dan INSTUN**

Pada pameran ini, info-info berkaitan Ilmu Falak dan kejadian Gerhana Matahari telah dipamerkan. Para pengunjung berpeluang melihat fakta-fakta menarik mengenai Gerhana Matahari ini. Disamping itu, info-info berkaitan program Latihan INSTUN tahun 2020 turut dipamerkan yang dikendalikan oleh Seksyen Perhubungan Awam, INSTUN.

Oleh yang demikian, dengan kejayaan penganjuran aktiviti-aktiviti ini maka Program ini telah berjaya dilaksanakan. Terima kasih diucapkan kepada Jabatan Mufti Negeri Perak atas jemputan, Masjid At-Taqwa Proton City atas penganjuran bersama, tajaan produk makanan Adabi dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung pada Program ini.


Disediakan oleh:

Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)
Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

GAMBAR-GAMBAR SEPANJANG PROGRAM CERAPAN GERHANA MATAHARI SEPARA PERINGKAT NEGERI PERAK (ZON PERAK SELATAN)









REKABENTUK POSTER DAN *BANNER* PROGRAM CERAPAN GERHANA MATAHARI SEPARA PERINGKAT NEGERI PERAK (ZON PERAK SELATAN)

Poster

CERAPAN GERHANA MATAHARI SEPARA

PERINGKAT NEGERI PERAK (ZON SELATAN)

LOKASI
MASJID AT-TAQWA PROTON CITY
T A N J O N G M A L I M
26 DISEMBER 2019 / 29 RABIUL AKHIR 1441H
10.30 PAGI - 3.30 PETANG

AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG PROGRAM

PERTANDINGAN MELUKIS DAN MEWARNA	10.30 AM - 11.30 AM
CERAPAN GERHANA MATAHARI	11.19 AM - 03.30 PM
TAKLIMAT GERHANA MATAHARI	12.00 PM - 01.00 PM
SOLAT ZOHOR BERJEMAAH	1.00 PM - 01.30 PM
SOLAT SUNAT & KHUTBAH GERHANA	1.30 PM - 02.00 PM
KUIZ GERHANA	
PAMERAN INSTUN	
PAMERAN GERHANA MATAHARI	

ANJURAN:
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGERA (INSTUN)
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS)

SEMUA DIJEMPUT HADIR

• JAMUAN & HADIAH / SAGUATI •
DISEDIAKAN

Banner

